

Pembinaan, Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Terapi Realiti Teori Pilihan

*(Construction, Validity and Reliability of Choice Theory Reality Therapy
Guidance Module)*

ADAWIAH IDRIS & AZEMI SHAARI

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,

Universiti Utara Malaysia

E-mel: addahoney@yahoo.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Bimbingan Teori Pilihan Terapi Realiti. Selain itu, kajian ini juga bagi menentukan kesahan kandungan modul dan kebolehpercayaan modul bagi mengurangkan perlakuan negatif pelajar di dalam kelas. Proses pembinaan modul ini adalah berdasarkan kepada Model Pembinaan Modul Sidek dan Teori Pilihan Terapi Realiti. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian jenis deskriptif. Tiga orang pakar modul dan tiga orang pakar Teori Realiti telah dipilih yang kesemuanya mempunyai Ijazah Kedoktoran dalam kaunseling dan psikologi. Alat kajian yang digunakan untuk kesahan modul adalah soal selidik kesahan kandungan modul ciptaan Jamaludin Ahmad (2002). Skor Alpha Cronbach kesahan modul adalah .80. Manakala sekumpulan dua puluh pelajar yang telah mendapat skor tertinggi bagi soal selidik Assessment of Behavioral Disaffection telah dipilih bagi kebolehpercayaan modul ini. Skor Alpha Cronbach kebolehpercayaan modul adalah .90. Oleh sebab tinjauan literatur mendapati keberkesanan Terapi Realiti, maka dicadangkan kajian penggunaan Terapi Realiti secara menyeluruh iaitu aplikasi Want, Doing, Evaluate, Planning sama ada kaunseling individu, kelompok atau modul-modul bimbingan.

Kata kunci: *Pembinaan modul, Modul Bimbingan Teori Pilihan Terapi Realiti, tingkah laku negatif.*

Abstract

This study aims to develop Choice Theory Reality Therapy Module. In addition, it is also to determine the validity and the reliability of the module in order to reduce the negative behavior of students in the classroom. The development of this module is based on Sidek Model Development Module (SMDM) and Choice Theory Reality Therapy. The design of this study is descriptive study.

Three module experts and Reality Therapy experts were selected which is all had a Doctoral Degree in counseling and psychology. The instrument used for the validity of the module created by Jamaludin Ahmad (2002). Alpha Cronbach module validity is .80. Meanwhile, a group of twenty students who got the highest score for the Assessment of Behavioral Disaffection was selected for the reliability of this module. Alpha Cronbach module reliability is .90. Since the literature review finds the effectiveness of Reality Therapy, it is suggested that the use of the Reality Therapy thoroughly which is the Want, Doing, Evaluate, Planning to be apply in individual counseling, groups counseling or guidance modules.

Keywords: *Module development, Choice Theory Reality Therapy Guidance Module, negative behavior*

Pengenalan

Tingkah laku negatif pelajar semasa proses pembelajaran di sekolah serta dalam kelas menjadi topik perbincangan dalam kalangan para pendidik serta ahli akademik. Mutakhir ini semakin banyak peristiwa yang menunjukkan tingkah laku negatif pelajar di sekolah. Contohnya, Harian Metro bertarikh 26 Oktober 2010 melaporkan peristiwa pelajar tingkatan satu menumbuk dan memaki hamun guru setelah didenda kerana tidak membawa buku teks. Guru tersebut tidak melawan kerana terkejut dengan tindakan pelajar terbabit. Utusan Malaysia bertarikh 24 Mei 2014 juga melaporkan seorang guru disiplin telah ditumbuk dan dipukul di perut oleh seorang pelajar ketika berada di surau sekolah. Seterusnya, laporan oleh Bernama bertarikh 17 Oktober 2015 seorang guru lelaki di sebuah sekolah menengah di Sibul telah ditumbuk oleh pelajarinya semasa perhimpunan sekolah kerana menegur pelajar terbabit. Jelas, fenomena pelajar melawan guru semakin berleluasa dewasa ini. Perlakuan negatif ini juga terzahir di dalam bilik-bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Roeser, Eccles dan Strobel (1998) perlakuan seperti pengasingan atau penarikan diri, penentangan dan agresif adalah perlakuan negatif yang kerap kali terjadi semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pelajar-pelajar yang bermasalah ini akan secara langsung memberi kesan yang buruk dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Perlakuan disruptif mereka seperti pengasingan atau penarikan diri, penentangan dan agresif dalam kelas menyebabkan persekitaran bilik darjah menjadi tidak kondusif serta matlamat pembelajaran tidak akan tercapai. Oleh itu, bilik darjah yang sepatutnya menjadi tempat yang paling penting bagi seseorang murid mencapai kematangan dari segi ilmu, mental serta emosi akan terbantut fungsinya.

Menurut Gresham, (2004) dalam Olivares dan Herruzo (2010) adalah penting untuk membangunkan atau mengkaji sebarang intervensi yang boleh memperbaiki perlakuan negatif pelajar terutamanya perlakuan disruptif yang mengganggu di dalam bilik darjah. Salah satu kaedah yang dianggap terbaik dalam menangani isu ini ialah melalui penggunaan modul. Penyelidik telah membina dan mengaplikasikan modul bimbingan kelompok dalam kajian ini kerana ianya lebih berkesan berbanding kaunseling individu terhadap para pelajar remaja yang cenderung melakukan salah laku sosial serta berpelakuan negatif (Adcock, Webster, Leonard & Walker, 2008). Sementara itu, Glasser (1990) menyatakan bahawa Terapi Realiti adalah suatu pendekatan yang mudah digunakan ke atas semua klien untuk pelbagai jenis masalah. Pendapat ini selari dengan kenyataan bahawa Terapi Realiti boleh diaplikasikan ke atas semua klien kerana semua individu mempunyai kehendak dan keperluan (*basic needs*) tanpa mengira bangsa, budaya dan agama. Terapi Realiti juga berjaya diaplikasikan terhadap klien penyalahgunaan dadah, klien depresi, rendah diri, mangsa buli, mangsa keganasan rumah tangga, konflik keluarga, penyesuaian sendiri, kebimbangan yang tinggi, kecelaruan emosi, kecelaruan kawalan impuls dan kecelaruan tingkah laku (Seligman, 2006).

Sehubungan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk membangunkan satu modul baru iaitu Modul Bimbingan Teori Pilihan Terapi Realiti bertujuan mengurangkan tingkah laku negatif di dalam kelas. Manakala objektif khusus kajian ini adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan modul ini sebelum kajian sebenar dijalankan.

Kajian ini berdasarkan Teori Pilihan Terapi Realiti telah dipilih sebagai asas dalam membangunkan modul ini. Menurut teori Corey (2001), sebarang tingkah-laku manusia didorong oleh dua faktor iaitu fizikal dan fisiologi. Faktor-faktor fizikal seperti makan, minum dan tidur. Sementara faktor-faktor fisiologi seperti seperti kasih sayang, kuasa, kebebasan dan keseronokan. Walaupun tingkah laku manusia didorong oleh faktor-faktor dalaman, tetapi manusia mempunyai kebebasan untuk memilih serta bertanggungjawab terhadap pilihan mereka. Mereka boleh mengawal kehidupan mereka melalui kawalan dalaman. Oleh itu, seseorang itu boleh dibantu menggunakan pendekatan *Want, Doing, Evaluation, dan Planning* (WDEP).

Menurut Wubbolding dan Brickell (1999), *Want, Doing, Evaluate, Planning* (WDEP) adalah proses kaunseling yang membantu seseorang mengenal pasti kehendak, meneroka perlakuan, menilai perlakuan dan merancang perlakuan yang berkesan. Oleh itu, pendekatan Teori Pilihan Terapi Realiti dalam modul ini melibatkan sepuluh sesi menggunakan konsep *Want, Doing, Evaluate, Planning* (WDEP) seperti dibawah:

1. W – *Want* (keperluan)

Menurut Corey (2001), klien dibantu untuk mengenal pasti keperluan dan kehendak dalam kehidupan mereka.

2. D – *Doing and Direction* (Matlamat)

Proses Penetapan matlamat amat ditekankan kepada tingkah laku semasa klien. Soalan yang biasa ditanyakan adalah “Apakah tingkah laku semasa anda?, supaya klien sedar perlakuan semasa mereka. Adakah perlakuan mereka membawa kepada merealisasikan kehendak mereka. Kaunselor juga menekankan kepada matlamat hidup mereka. Sekiranya perlakuan mereka tidak mendatangkan faedah, maka mereka perlu menukar tingkah laku mereka kepada tingkah laku yang membina serta mencapai matlamat (Corey, 2001).

3. E – *Evaluation* (Penilaian)

Membuat penilaian menurut Corey (2001) adalah menilai perlakuan semasa klien sama ada ianya membawa kepada pencapaian kehendak mereka atau tidak. Selain itu, klien mesti mengenal pasti sama ada perlakuan tersebut membawa kepada tujuan atau matlamat yang mereka inginkan. Sekiranya perlakuan tersebut didapati tidak efektif, kaunselor akan menggunakan teknik konfrontasi. Penilaian tingkah laku disertakan dengan pertanyaan seperti ‘Sekiranya anda masih seperti ini, apakah yang anda dapat?’ atau ‘Sekiranya anda masih seperti ini adakah anda berjaya mencapai impian anda?’.


4. P – *Planning* (Perancangan)

Perancangan amat penting bagi klien dalam usaha untuk berubah. Klien bersama kaunselor merancang tindakan perubahan tingkah laku bagi mencapai kehendak, keperluan serta matlamat. Menurut Wobbolding (1988, 1991, 1996, 2000) dalam Corey (2001) pelan perubahan yang efektif adalah berbentuk SAMIC *Simple*, (mudah), *attainable* (mudah dicapai), *measurable* (boleh diukur), *immediate* (kesegeraan), *involved* (keterlibatan), *controlled by the planner* (dikawal oleh klien), *committed to* (komited) dan *consistent* (konsisten).

Pembinaan Modul

Kajian ini menggunakan Model Pembinaan Modul Sidek oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) dalam membangunkan modul ini. Model ini adalah lebih sistematik kerana mempunyai dua fasa pembinaan modul. Peringkat pertama ialah penyediaan draf modul bermula dengan penetapan matlamat modul dan berakhir dengan penggabungan keseluruhan aktiviti ke dalam satu modul lengkap. Modul ini melalui kajian rintis bagi menguji kelemahannya. Fasa pertama ini dinamakan draf kerana modul ini masih belum ditentukan kesahan kandungan dan diukur kebolehpercayaannya.

Pada fasa kedua pembinaan modul adalah untuk menilai draf. Penyelidik perlu mendapatkan pengesahan pakar serta mengukur kebolehpercayaan modul. Sekiranya keputusan kesahan dan kebolehpercayaan mencapai skor yang ditetapkan, maka modul ini dianggap sebagai berkualiti dan sedia untuk digunakan. Jika sebaliknya, maka penyelidik perlu menilai semula modul ini sehingga mencapai skor kesahan dan kebolehpercayaan yang telah ditetapkan. Model Pembinaan Modul Sidek adalah seperti dalam Rajah 1.



Sumber: Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005

Rajah 1

Model Pembinaan Modul Sidek

Metode Kajian

Kesahan Modul

Kesahan Modul Bimbingan Teori Pilihan telah diperolehi dengan penilaian tiga orang pakar modul dan tiga orang pakar Teori Terapi Realiti dalam bidang

kaunseling dan psikologi. Sebanyak sembilan surat tawaran penilaian modul telah dihantar kepada sembilan pakar. Enam orang pakar bersetuju untuk menilai modul. Oleh itu, enam set surat lantikan pakar, modul dan borang penilaian modul telah dihantar kepada enam orang pakar tersebut. Borang penilaian kandungan modul mempunyai lima item dengan lima skala Likert. Item pertama adalah untuk menilai kesesuaian modul kepada populasi sasaran. Item kedua adalah menilai kesesuaian objektif modul. Item ketiga adalah untuk menilai kesesuaian masa setiap sesi. Item keempat adalah menilai kesesuaian modul dalam mengenali keperluan asas psikologi pelajar. Item terakhir adalah untuk menilai kebolehan modul ini dalam mengubah tingkah laku negatif pelajar dalam kelas.

Penyelidik menerima lima borang penilaian modul daripada lima pakar setelah satu bulan. Satu daripada pakar memohon penyelidik bersemuka untuk berbincang berkenaan modul. Setelah melakukan beberapa perubahan terhadap modul hasil perbincangan dengan pakar-pakar tersebut, penyelidik telah mendapat skor kesahan modul daripada enam pakar tersebut. Pengiraan skor adalah seperti formula yang dirumus oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) seperti Rajah 2.

$$\frac{\text{Skor Keseluruhan Pakar (X)}}{\text{Skor Maksimum (25)}} \times 100 \% = \text{Kesahan Kandungan Modul}$$

Rajah 2

Formula Mengukur Kesahan Kandungan Modul

Menurut Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), modul yang berkualiti harus mencapai kesahan kandungan melebihi 70% dan sekiranya kurang daripada 70% modul tersebut perlu dinilai semula.

Kebolehpercayaan Modul

Modul Bimbingan Teori Pilihan ini dibangunkan bertujuan mengurangkan perlakuan negatif dalam kelas. Oleh itu, seramai dua puluh orang pelajar tingkatan empat yang berumur enam belas tahun serta mencapai skor tertinggi dalam soal selidik *Assessment of Behavioral Disaffection* (Roeser, Eccles & Strobel, 1998) telah mencuba modul. Mereka telah mengisi soal selidik kebolehpercayaan modul.

Sebelum menjalankan kajian rintis ini, penyelidik memperoleh kebenaran daripada Jabatan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia

(EPRD), Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPNK) dan pengetua sekolah. Setelah mendapat persetujuan pelajar, surat kebenaran daripada ibu bapa diberikan untuk mendapatkan persetujuan daripada mereka. Mereka dimaklumkan bahawa penglibatan pelajar bimbingan kelompok adalah secara sukarela dan boleh menarik diri pada bila-bila masa. Setelah selesai menjalani sepuluh sesi, peserta perlu mengisi borang soal selidik kebolehpercayaan dalam masa 20 minit. Borang soal selidik kebolehpercayaan ini dibina berdasarkan 36 objektif setiap sesi modul. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A adalah maklumat demografi seperti nama, umur, nama sekolah dan jantina. Manakala, Bahagian B mengandungi 36 item pada skala Likert 1-sangat tidak bersetuju dan 5-sangat setuju. Penyelidik menggunakan perisian SPSS versi 20 untuk menganalisis keputusan kebolehpercayaan modul.

Persampelan

Terdapat dua kumpulan sampel iaitu enam orang pakar bagi kesahan modul serta dua puluh orang pelajar tingkatan empat yang berumur enam belas tahun telah dipilih mengikut kriteria kajian bagi mendapatkan kebolehpercayaan modul. Kesemua peserta adalah Melayu dan beragama Islam. Jumlah peserta terlibat sepanjang kajian ini adalah dua belas lelaki (60%) dan lapan pelajar perempuan (40%).

Dapatan Kajian

Kesahan Modul

Jadual 3

Skor Kesahan Enam Pakar Kaunseling Bagi Modul Bimbingan Teori Pilihan

	Skor Pakar (x/50)	Kesahan %	Index
Pakar Teori 1	42	84%	.84
Pakar Teori 2	43	86%	.86
Pakar Teori 3	40	80%	.80
Pakar Modul 1	43	86%	.86
Pakar Modul 2	38	76%	.76
Pakar Modul 3	37	74%	.74

Jumlah Purata .81 = .8 (1 t. p.)

*t. p.: titik perpuhan

Penyelidik telah menjalankan penilaian dan pengesahan oleh enam orang pakar yang berpengalaman serta berpengetahuan dalam Terapi Realiti. Kesemua mereka mempunyai Ijazah Kedoktoran dalam kaunseling dan psikologi serta terkenal sebagai pakar yang mengaplikasikan Terapi Realiti. Mereka juga adalah dari kalangan pakar modul yang membangunkan garis panduan pembinaan modul. Peratus kesahan paling tinggi modul ini yang telah dicapai adalah 86% diberikan oleh Pakar Teori 2 dan Pakar Modul 1. Peratus terendah kesahan modul ini adalah 74% diberikan oleh Pakar Modul 3. Manakala empat pakar yang lain memberikan peratus kesahan modul di antara 76% sehingga 84%. Jumlah purata keseluruhan kesahan modul ini adalah .8 (1 t.p).

Kebolehpercayaan Modul

Menurut Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), untuk mengukur indeks nilai kebolehpercayaan modul boleh merujuk kepada objektif modul atau langkah-langkah modul. Dalam kajian ini, nilai kebolehpercayaan adalah diukur berdasarkan objektif yang dinyatakan dalam setiap sesi. Sebanyak 36 item soal selidik telah diberikan sampel hasil 36 objektif yang merangkumi sepuluh sesi. Seterusnya penyelidik menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 18 untuk mendapatkan skor Alpha Cronbach bagi mengukur kebolehpercayaan Modul Bimbingan Teori Pilihan. Oleh itu, nilai kebolehpercayaan modul yang telah diperoleh adalah .823.

Perbincangan, Implikasi dan Cadangan

Pembinaan Modul Bimbingan Teori Pilihan adalah berasaskan Teori Pilihan Terapi Realiti yang memberi penekanan kepada konsep WDEP. Konsep WDEP merupakan proses membantu klien mengenal pasti keperluan serta matlamat mereka. Seterusnya klien dibantu untuk menilai perlakuan-perlakuan negatif mereka sama ada memberi manfaaf kepada mereka atau tidak. Mereka seterusnya akan dibimbing untuk melakukan pelan perubahan dalam hidup mereka. Sebarang pelan perubahan yang dirancang mestilah menurut Wobbolding (1988, 1991, 1996, 2000) dalam Corey (2001) berbentuk SAMIC *Simple*, (mudah), *attainable* (mudah dicapai), *measurable* (boleh diukur), *immidiate* (kesegeraan), *involved* (keterlibatan), *controlled by the planner* (dikawal oleh klien), *committed to* (komited) dan *consistent* (konsisten). Ini bertepatan dengan cadangan oleh Jazimin Jusoh (2008) yang mencadangkan kajian kaunseling atau bimbingan kelompok yang menggunakan Terapi Realiti secara menyeluruh iaitu aplikasi WDEP dalam keseluruhan kaunseling kelompok.

Sementara itu, nilai indeks kebolehpercayaan modul ini adalah .823. Manakala nilai kesahan modul ini adalah .724. Ini menunjukkan modul ini boleh diguna pakai atau diaplikasikan terhadap pelajar yang bertingkah laku negatif dalam kelas. Menurut Valette (1977) dalam Jamaludin Ahmad (2010), nilai pekali kebolehpercayaan alat ukur atau aktiviti modul yang paling minimum yang boleh diterima pakai ialah .50. Mohd Majid Konting (2004) dan Borg, Gall dan Gall (1993) dalam Jamaludin Ahmad (2012) telah menyatakan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan mestilah sekurang-kurangnya .60. Manakala Hopkins (1998) dalam Jamaludin Ahmad (2012) pula telah menyatakan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan alat ukur atau aktiviti modul adalah .90. Oleh itu, nilai indeks kebolehpercayaan modul ini adalah di antara dua nilai kebolehpercayaan minimum iaitu .50 dan maksimum .90, maka modul ini boleh diterima dan diguna pakai.

Pembinaan modul ini mematuhi standard pembinaan modul dengan Model Pembinaan Modul Sidek. Modul ini juga mengaplikasikan Teori Pilihan Terapi Realiti dalam proses membentuk sepuluh sesi. Oleh itu, penyelidik telah mematuhi syarat-syarat serta ciri-ciri dalam pembinaan modul berkualiti, berintegrasi dan sistematik. Oleh itu, ianya sesuai diguna pakai terhadap pelajar berpelakuan negatif tingkatan enam, berumur enam belas tahun, berbangsa Melayu serta beragama Islam. Oleh itu, pembentukan Modul Bimbingan Teori Pilihan ini diharap dapat dijadikan panduan dalam melaksanakan bimbingan kelompok Terapi Realiti.

Merujuk pada aspek penyelidikan, kajian eksperimen dicadangkan untuk menguji keberkesanan Modul Bimbingan Teori Pilihan Terapi Realiti terhadap pelajar yang berlainan umur seperti pelajar menengah rendah iaitu pelajar tingkatan satu, dua dan tiga yang menunjukkan perlakuan negatif dalam kelas.

Penutup

Pembinaan modul ini diharap dapat merawat perlakuan negatif pelajar dalam kelas. Modul ini yang menggunakan pendekatan WDEP diharap dapat membimbing pelajar memenuhi keperluan dan kehendak serta merancang perubahan tingkah laku ke arah yang lebih positif.

Rujukan

Adcock, S. S., Webster, S. M., Leonard, L. G. & Walker, J. L. (2008). Benefits of a holistic group counseling model to promote wellness for girls at risk for delinquency: An exploratory study. *Journal of Humanistic Counseling, Education & Development*, 47.

- Ahmad Jazimin Jusoh, Zuria Mahmud & Noriah Mohd. Ishak. (2008). The pattern of reality therapy usage among malaysia counselors. *International Journal of Reality Therapy*, 28 (1) 5-14.
- Ahmad Jazimin Jusoh & Shifa Podikunju Hussain. (2015). Choice Theory and Reality Therapy (CTRT) Group Counseling Module. *Asian Journal of Humanities and Social Studies*, 3(4).
- Ahmad Jazimin Jusoh, Abdul Malek Abdul Rahman, Mohammad Nasir Bistamam, & Mohamad Aziz Shah Mohamed Arip. (2012). *Modul kaunseling kelompok CTRT*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Cooperkline, J. (2009). *School absenteeism, disruptive classroom behavior and disruptive family processes in a sample of court involved youth*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan: The Ohio State University.
- Corey, G. (2001). *Theory and practise of counseling and psychotherapy*. USA: Wadsworth / Thomson Learning.
- Elmore, G. M. (2006). *The role of school satisfaction in moderating and mediating the relationship between attachment relationships and negative school behavior in adolescents*. Tesis Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan: The University of South Carolina.
- Gladding, S. T. (1995). *Group work. a counseling speciality (2nd Ed)*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Glasser, W. (1990). *Reality therapy a new approach to psychiatry*. New York: Harper & Row Publisher.
- Glasser, W. (1998). *Choice Theory : a new psychology of personal freedom*. New York: Harper Collins.
- Jamaludin Ahmad. (2002). Kesahan, kebolehpercayaan dan keberkesanan modul program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah negeri selangor. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad. (2008). *Modul dan pengendalian bimbingan kelompok*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad. (2012). *Modul motivasi diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Olivares, R.O., Pino, M. J., & Herruzo, J. (2010). Reduction of disruptive behaviors using an intervention based on the good behavior game and the say-do report correspondence. *Psychology in the School*, 47 (10), 1046-1058.
- Roeser, R. W., Eccles, J. S., & Strobel, K. R. (1998). Linking the study of schooling and mental health: selected issues and empirical illustrations at the level of the individual. *Educational Psychologist*, 33(4), 153-176.
- Seligman, L. (2006). *Theories of counseling and psychotherapy: Systems, strategies, and skills*. (2nd ed.). New York: Upper Saddle River, Pearson Education, Ltd.

- Sidek Mohd Noah, & Jamaludin Ahmad. (2002). *Reka bentuk penyelidikan : falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit UPM.
- Sidek Mohd Noah, & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.
- Wubbolding, R.E., & Brickell, J. (1999). *Counselling with Reality Therapy*. United Kingdom: Speechmark Publishing Ltd.